



SETIAUSAHA KERAJAAN,
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN,
TINGKAT 19,
BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503 SHAH ALAM,
SELANGOR DARUL EHSAN.



Tel : 03-5514 2134 (Terus)
: 03-5544 7042 (Am)
Fax : 03-5510 3062

“KEJUJURAN DAN KETEKUNAN”

Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : (3) dlm. IPK.SEL.BK.
20684/135
Tarikh : V Februari 2009.

SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN

Semua Ketua Jabatan Kerajaan Negeri Selangor

Semua Ketua Badan Berkanun Negeri Selangor

Semua Pegawai Daerah Negeri Selangor

Semua Datuk Bandar / Yang Dipertua
Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor.

Semua Anak Syarikat
di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor

YB Dato' / YAD Dato' Setia /
YBhg Dato' / Datin Paduka / Tuan / Puan,

**PEKELILING SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
BILANGAN 1 TAHUN 2009**

**PELAKSANAAN DASAR BARU – KEMUDAHAN-KEMUDAHAN
CUTI BERSALIN 90 HARI, CUTI ISTERI BERSALIN 14 HARI
DAN CUTI KEMATIAN SUAMI 30 HARI**

Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.


2. Berikut dilampirkan Pekeliling Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor Bilangan 1 Tahun 2009 berkenaan perkara di atas. Sebagai tambahan, salinan lembut (*softcopy*) Pekeliling ini boleh dimuat turun di Laman Web Rasmi Kerajaan Negeri Selangor mulai daripada tarikh surat ini dikeluarkan.

3. Justeru, YB Dato' / YAD Dato' Setia / YBhg Dato'/ Datin Paduka / Tuan / Puan adalah dipohon untuk mengambil perhatian tentang butiran keseluruhan yang terkandung pada Pekeliling tersebut.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(DATO' RAMLI BIN MAHMUD)

Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.

s.k.

- Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan).
- Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pengurusan).
- Fail Timbul.



KERAJAAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN

PEKELILING SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR BILANGAN 1 TAHUN 2009

PELAKSANAAN DASAR BARU – KEMUDAHAN-KEMUDAHAN CUTI BERSALIN 90 HARI, CUTI ISTERI BERSALIN 14 HARI DAN CUTI KEMATIAN SUAMI 30 HARI

TUJUAN

1. Pekeliling Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor ini bertujuan melaksanakan Dasar Baru Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan berhubung dengan kemudahan-kemudahan Cuti Bersalin 90 Hari, Cuti Isteri Bersalin 14 Hari dan Cuti Kematian Suami 30 Hari.

PELAKSANAAN

2. Selaras dengan hasrat Kerajaan Prihatin dan mengutamakan keluarga, Kerajaan Negeri Selangor akan melaksanakan Dasar Baru tentang Kemudahan-kemudahan Cuti Bersalin 90 hari, Cuti Isteri Bersalin 14 hari dan Cuti Kematian Suami selama 30 hari yang mana pelaksanaannya adalah seperti berikut :-

2.1 Kemudahan Cuti Bersalin 90 Hari.

2.1.1 Seseorang pegawai/guru wanita yang berkhidmat di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri, apabila bersalin akan mendapat Cuti Bersalin, sebagaimana termaktub di bawah Perintah Am Bab C 25 dan pindaan seperti mana Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 1998 – Kemudahan Cuti Pegawai Bersalin.

2.1.2 Di bawah Dasar Baru, seseorang pegawai/guru wanita diberi opsyen tambahan **30 hari** cuti. Tambahan 30 hari yang dimaksudkan di sini adalah sebagaimana Perintah Am Bab C 26 (c) dan pindaan seperti arahan pada Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 15 Tahun 2007 – Kemudahan Cuti Menjaga Anak. Cuti ini merupakan Cuti Tanpa Gaji yang boleh dipertimbangkan sehingga 1,825 hari (5 tahun) maksimum dan dihadkan sebanyak 5 kali bersalin sepanjang tempoh perkhidmatannya.

2.1.3 Walaupun tempoh 30 hari direkodkan sebagai Cuti Menjaga Anak (Cuti Tanpa Gaji), Pentadbiran Kerajaan Negeri bersetuju membayar gaji penuh pegawai/guru wanita tersebut dan bayaran ini adalah dikira sebagai **Insentif Khas Bersalin**.

2.1.4 Pembayaran Insentif Khas Bersalin ini hanya akan dibuat bagi tempoh 30 hari sebagai tambahan kepada 60 hari Cuti Bersalin yang ia berkecualan sahaja, walaupun pegawai/guru wanita tersebut layak mengambil secara maksimum sehingga 1,825 hari Cuti Menjaga Anak setelah habis tempoh Cuti Bersalin.

2.2 Kemudahan Cuti Isteri Bersalin 14 Hari.

2.2.1 Seseorang pegawai/guru lelaki boleh diberi Cuti Tanpa Rekod selama tujuh (7) hari untuk membantu urusan ketika isterinya bersalin, sebagaimana Perintah Am Bab C 26 (2) dan pindaan melalui arahan pada Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 2002 – Kemudahan Cuti Isteri Bersalin.

2.2.2 Di bawah Dasar Baru, seseorang pegawai/guru lelaki diberi **opsyen tambahan tujuh (7) hari cuti**. Tambahan cuti tujuh (7) hari yang dimaksudkan ini akan direkodkan sebagai Cuti Tanpa Gaji **dan tertakluk kepada Perintah Am Bab C 14 (a) dan (b) serta Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 2002**.

2.2.3 Pentadbiran Kerajaan Negeri bersetuju membayar **Insentif Khas Isteri Bersalin** pada hari-hari di dalam tempoh opsyen tambahan tujuh (7) hari tersebut.

2.3 Kemudahan Cuti Kematian Suami 30 Hari.

- 2.3.1 Seseorang anggota Perkhidmatan Awam boleh diberi kemudahan Cuti Tanpa Rekod selama tiga (3) hari atas **kematian ahli keluarga terdekat** sebagaimana Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 10 Tahun 2002 – Kemudahan Cuti Urusan Kematian Ahli Keluarga Terdekat.
- 2.3.2 Di bawah Dasar Baru, kemudahan ini dipanjangkan sehingga 30 hari kepada **pegawai/guru wanita yang kematian suami**, di mana tambahan cuti selama 27 hari tersebut adalah diberi secara opsyen. Tambahan selama 27 hari yang dimaksudkan di sini adalah Cuti Tanpa Gaji dan tertakluk di bawah Perintah Am Bab C 14 (a) dan (b).
- 2.3.3 Pentadbiran Kerajaan Negeri bersetuju membayar **Insentif Khas Kematian Suami** pada hari-hari di dalam tempoh opsyen tambahan 27 hari tersebut.

OPSYEN

- 3. Bagi pegawai-pegawai yang memilih untuk menerima kemudahan cuti ini hendaklah melengkapkan Borang Opsyen masing-masing seperti di **Lampiran A, Lampiran B dan Lampiran C.**
- 4. Opsyen ini hanya sah setelah pegawai menandatangani Borang Opsyen tersebut **dan disokong** oleh Ketua Jabatan masing-masing. Setiap keputusan permohonan opsyen bagi cuti-cuti berkenaan adalah **muktamad.**
- 5. Ketiga-tiga jenis cuti ini hendaklah direkodkan di dalam Buku Rekod Perkhidmatan sebagai Cuti Tanpa Gaji dan tidak layak dikira sebagai perkhidmatan yang boleh dimasukkan kira bagi faedah persaraan. Walau bagaimanapun, Pentadbiran Kerajaan Negeri akan memberi bayaran-bayaran Insentif Khas Bersalin, Insentif Khas Isteri Bersalin dan Insentif Khas Kematian Suami pada hari-hari di dalam tempoh opsyen tambahan cuti tersebut, sebagai ganti kepada kerugian yang akan diterima pegawai semasa persaraan kelak.

TARIKH BERKUAT KUASA


- 6. Surat Pekeliling ini berkuatkuasa serta-merta mulai pada tarikh ia dikeluarkan.

PEMAKAIAN

7. Semua Jabatan Kerajaan Negeri dan Pejabat-pejabat Daerah dan Tanah Negeri hendaklah melaksanakan arahan seperti yang tertakluk pada Pekeliling ini.

8. Walau bagaimanapun, pemakaian arahan pada Pekeliling ini adalah dipanjangkan kepada semua Badan-badan Berkanun Negeri, Pihak-pihak Berkuasa Tempatan Negeri dan Anak-anak Syarikat di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri, tertakluk kepada penerimaannya masing-masing.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(DATO' RAMLI BIN MAHMUD)
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

12 Februari 2009.

Semua Ketua Jabatan Kerajaan Negeri Selangor.

Semua Ketua Badan Berkanun Negeri Selangor

Semua Pegawai Daerah Negeri Selangor.

Semua Datuk Bandar / Yang Dipertua
Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor.

Semua Anak Syarikat di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor

Salinan kepada: -

YB Pegawai Kewangan Negeri Selangor

Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan)

Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pengurusan)

Ketua Setiausaha Sulit Kepada YAB Dato' Menteri Besar Selangor

Semua Ketua Bahagian dan Seksyen,
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.

Lampiran A

**BORANG PERMOHONAN CUTI BERSALIN 90 HARI
(PEKELILING SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR BIL . 1/2009)**

A. OPSYEN KEMUDAHAN CUTI BERSALIN 90 HARI

**Kepada : Yang Berhormat
Setiausaha Kerajaan,
Selangor**

Adalah dimaklumkan bahawa saya dijangka bersalin pada bagi kali ke
....., maka dengan ini saya membuat pilihan untuk menerima opsyen kemudahan
Cuti Bersalin 90 hari.

- (i) Bersetuju mengambil tambahan 30 hari Cuti Bersalin dan direkodkan sebagai Cuti Menjaga Anak mengikut Perintah Am Bab C 26 (c) - pindaan sebagaimana Pekeliling Perkhidmatan Bil. 15 Tahun 2007 – Cuti Menjaga Anak;
- (ii) Bersetuju untuk menerima bayaran Insentif Khas Bersalin pada hari-hari di dalam tempoh opsyen 30 hari tersebut.

2. Saya sesungguhnya mengaku memahami bahawa Cuti Tambahan 30 hari yang diambil itu akan memberi implikasi terhadap perkiraan pencen dan ganjaran saya dan saya sesungguhnya mengetahui opsyen yang telah saya buat ini adalah **muktamad**.

Tandatangan pemohon

Nama

Jawatan

Jabatan

.....

Disahkan dan *disokong/tidak disokong oleh :

.....
(Ketua Jabatan)

* potong mana yang tidak berkenaan

Lampiran B

**BORANG PERMOHONAN CUTI ISTERI BERSALIN 14 HARI
(PEKELILING SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR BIL . 1/2009)**

A. OPSYEN KEMUDAHAN CUTI ISTERI BERSALIN 14 HARI

**Kepada : Yang Berhormat
Setiausaha Kerajaan,
Selangor**

Adalah dimaklumkan bahawa isteri saya telah bersalin pada bagi kali ke
....., maka dengan ini saya membuat pilihan untuk menerima opsyen Kemudahan
Cuti Isteri Bersalin 14 hari.

- (i) Bersetuju mengambil tambahan 7 hari Cuti Isteri Bersalin dan direkodkan sebagai Cuti Tanpa Gaji mengikut Perintah Am Bab C 14 (a) dan (b);
- (ii) dan 7 hari cuti tanpa rekod sebagaimana Perintah Am Bab C 26(2) – Pindaan seperti Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 2002;
- (iii) Bersetuju untuk menerima bayaran Insentif Khas Isteri Bersalin pada hari-hari di dalam tempoh opsyen tambahan 7 hari tersebut.

2. Saya sesungguhnya mengaku memahami bahawa Cuti Tambahan 7 hari yang diambil itu akan memberi implikasi terhadap perkiraan pencen dan ganjaran saya dan saya sesungguhnya mengetahui opsyen yang telah saya buat ini adalah **muktamad**.

Tandatangan pemohon
Nama
Jawatan
Jabatan
.....

Disahkan dan * disokong/tidak disokong oleh :

.....
(Ketua Jabatan)

* potong mana yang tidak berkenaan

Lampiran C

**BORANG PERMOHONAN CUTI KEMATIAN SUAMI SELAMA 30 HARI
(PEKELILING SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR BIL . 1/2009)**

A. OPSYEN KEMUDAHAN CUTI KEMATIAN SUAMI 30 HARI

**Kepada : Yang Berhormat
Setiausaha Kerajaan,
Selangor**

Adalah dimaklumkan bahawa suami saya telah meninggal dunia pada,
maka dengan ini saya membuat pilihan untuk menerima opsyen kemudahan Cuti
Kematian Suami selama 30 hari.

- (i) Bersetuju mengambil tambahan 27 hari Cuti kerana kematian suami dan
direkodkan sebagai Cuti Tanpa Gaji mengikut Perintah Am Bab C 14(a)
dan (b);
- (ii) dan 3 hari cuti tanpa rekod sebagaimana diperuntukkan di dalam
Pekeliling Perkhidmatan Bil. 10 Tahun 2002;
- (iii) Bersetuju untuk menerima bayaran Insentif Khas Kematian Suami pada
hari-hari di dalam tempoh opsyen tambahan 27 hari tersebut.

2. Saya sesungguhnya mengaku memahami bahawa Cuti Tambahan 27 hari yang
diambil itu akan memberi implikasi terhadap perkiraan pencen dan ganjaran saya dan
saya sesungguhnya mengetahui opsyen yang telah saya buat ini adalah **muktamad**.

Tandatangan pemohon

Nama

Jawatan

Jabatan

.....

Disahkan dan * disokong/tidak disokong oleh :

.....
(Ketua Jabatan)

* potong mana yang tidak berkenaan